KHIDMAT BAYARAN AIR, API, TELEFON DIBAKI

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Oleh NORBAIYAH BAHARUDIN

DALAM perjalanan menuju ke arah pemodenan, Malaysia sentiasa memberikan perhatian berat kepada usaha-usaha pembangunan yang dirasakan dapat memberi faedah kepada rakyatnya dan seterusnya meninggikan taraf kedudukan negara di mata dunia.

Salah satu faktor yang mendapat tempat ialah penyediaan kemudahan-kemudahan awam kepada rakyat. Kerajaan dalam rancangan lima tahunnya telah memperuntukkan banyak wang ringgit bagi membiayai segala projek bagi faedah rakyat di negara ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam usaha mempertingkatkan usaha untuk membaiki mutu khidmat kepada orang ramai, kerajaan sentiasa berusaha menambah kesenangan dan menyelamatkan waktu serta perbelanjaan dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas bagi Memajukan Perkhidmatan Awam memberitahu, di bawah Jawatankuasa Pengkaji dan Meninggikan Prestasi Perkhidmatan Awam yang ditetapkan, langkah pertama yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana kerajaan dapat membaiki sistem memberi khidmat kepada rakyat.

Kesedaran

Usaha-usaha baru sentiasa diperkenalkan dan mulai 1 Oktober ini satu lagi kemudahan awam akan dinikmati oleh orang ramai khususnya penduduk di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya dengan tertubuhnya pusat-pusat bayaran bil setempat dan perkhidmatan setempat.

Usaha ini timbul atas kesedaran masalah yang terpaksa dihadapi oleh orang ramai yang terpaksa berkejar ke sana ke mari untuk membayar bil-bil dari agensi yang berlainan dan dengan keadaan masa yang terhad sedangkan pembayaran terpaksa dibuat di tempat-tempat yang berlainan.

Pusat Bayaran Bil Setempat (PBBS) dan Pusat Perkhidmatan Setempat (PPS) akan membolehkan orang ramai membayar beberapa jenis bil dari berbagai-bagai agensi di mana-mana pusat yang berhampiran.

Mereka juga boleh mendapatkan khidmat mengangkat sumpah dan membuat [illegible]

buah PPS yang ditubuhkan.

Pada peringkat permulaan, khidmat ini terhad kepada penduduk Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya sahaja dan ia akan dilancarkan 1 Oktober ini. Setelah dikaji dan diperkemaskan lagi, khidmat ini akan diperluaskan ke seluruh negara mulai Januari tahun hadapan.

Sebenarnya, sistem ini sudahpun ada secara agak terhad di mana beberapa Pejabat Jabatan Pos di Wilayah Persekutuan ada mengutip bayaran untuk bil-bil elektrik dan telefon (Jabatan Telekom). Majlis Perbandaran Petaling Jaya menerima bayaran bil air bagi penduduk Petaling Jaya dan setengah-setengah pusat bayaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima bayaran bagi bil elektrik dan air.

Mencukupi

Dengan itu, PBBS ini merupakan tambahan kepada kemudahan-kemudahan yang sedia ada sekarang bagi orang ramai atau pengguna menjelaskan bil-bil mereka.

Dua buah agensi terlibat di dalam melaksanakan sistem perkhidmatan ini dan pengawasan pelaksanaannya ialtu Institiut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia atau lebih dikenali dengan nama MAMPU (Jabatan Perdana Menteri).

Pusat Bayaran Bil Setempat membolehkan orang ramai membayar berbagai-bagai jenis bil dari Lembaga Letrik Negara, Telekom, Pejabat Bekalan Air, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya di mana-mana pusat pembayaran yang berhampiran.

Pusat-pusat PBBS yang akan menerima bayaran-bayaran termasuklah 32 Pejabat Pos di Wilayah Persekutuan dan lapan di Petaling Jaya, empat Kedai Telekom di Wilayah Persekutuan dan satu di Petaling Jaya.

Tiga pejabat menerima bil-bil Lembaga Letrik Negara di Wilayah Persekutuan dan satu di Petaling Jaya, lima pejabat menerima bil-bil bekalan air di Wilayah Persekutuan dan satu di Petaling Jaya, lapan pejabat Dewan Bandaraya di Wilayah Persekutuan dan dua pejabat Majlis Perbandaran Petaling

di Wilayah Persekutuan dan 13 di Petaling Jaya dan menurut Datuk Abdullah Ahmad Badawi, jumlah ini dirasakan mencukupi dan orang ramai tidak perlu bersesak-sesak di satu-satu tempat sahaja.

Bil-bil yang boleh dibayar adalah bil-bil LLN termasuk bil bisa, bil khas, bil cagaran, cagaran tambahan, bayaran sambungan semula, bil-bil surat debit dan bil bayaran pelbagai.

Bil-bil air termasuk bil biasa, bil memasukkan air, bil cagaran, bil menyambung bekalan dan bil pelbagai perkhidmatan, bil-bil Telekom; dan bagi Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya bil yang boleh dibayar di pusat-pusat bayaran ini ialah bil taksiran hasil sahaja.

Bayaran-bayaran boleh dibuat secara tunai atau melalui cek. Satu cek boleh digunakan untuk menjelaskan semua bayaran bil-bil dengan syarat bil-bil itu adalah bagi seorang pengguna atau satu alamat sahaja.

Cek berpalang hendaklah dituliskan nama diatujukan kepada ketua jabatan di mana bayaran dibuat misalnya Ketua Pengarah Pos atau Ketua Pengarah Telekom dan bagi bayaran pos pula hendaklah di alamatkan kepada agensi yang mengeluarkan bil.

Resit-resit yang berasingan akan dikeluarkan bagi tiap-tiap bil. Bagaimanapun, pusat-pusat ini hanya akan menerima pembayaran sahaja dan pembayar-pembayar bil yang mempunyai persoalan tentang bil mereka hendaklah mengemukakan masalah tersebut kepada agensi-agensi yang mengeluarkan bil-bil tersebut.

Khidmat

Pusat Perkhidmatan Setempat pula akan memberikan semua khidmat berhubung dengan mengangkat sumpah dan memeterikan atau membatalkan setem bagi berbagai-bagai jenis dokumen perjanjian, surat-surat kontrak, surat-surat kuasa dan sebagainya.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di PPS ini ialah di Pejabat Pesuruhjaya Sumpah diberi khidmat pengakuan sumpah untuk affidavit-affidavit seperti yang diacbut di bawah Akta Mahkamah Judicature 1964 (Rev. 1972) dan Peraturan-Peraturan Mahkamah Tinggi

DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI

dengan kuasa-kuasa dan tugas-tugas Pesuruhjaya Sumpah.

Pengakuan-pengakuan berkanun seperti yang termaktub di bawah Akta Akuan Berkanun (Rev. 1969) contohnya kehilangan sijil/dokumen dan pindaan nama-nama, kesalahan-kesalahan ejaan dan lain-lain. Juga di pejabat ini diberi khidmat mengenai pencen, saman permulaan dan lain-lain.

Di Pejabat Cukai Setem disediakan khidmat pembatalan setem bagi suratcara yang duti setemnya telah ditetapkan bagi dokumen-dokumen seperti kemasukan menjadi peguam, kontrak, polisi insurans, resit amanah, surat kuasa wakil, memorandum persatuan syarikat dan lain-lain.

Oleh kerana perkhidmatan ini melibatkan banyak jenis khidmat yang ada hubungan dengan hal-hal perundangan hanya dua pusat sahaja ditubuhkan di peringkat permulaan ini ialtu di Lot 11, 12, Tingkat 1, Bukit Bintang Plaza, Kuala Lumpur dan Tingkat 1, Bangunan Majlis Perbandaran, Petaling Jaya.

Sebagai permulaan juga pusat-pusat PPS ini hanya akan memberikan khidmat-khidmat seperti yang disebutkan di atas dari Pesuruhjaya Sumpah dan Pejabat Cukai Setem. Khidmat-khidmat lain akan diberi sekiranya usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pengguna.

Pusat Bayaran dan Pusat-pusat Perkhidmatan Setempat ini akan dibuka dari pukul 8 pagi hingga 4.30 petang pada hari kerja biasa dan dari pukul 8 pagi hingga 12.45 tengahari pada hari Sabtu. Perkhidmatan akan diteruskan semasa waktu makan tengahari.

Bagi kawasan-kawasan terpencil yang jauh dari kemudahan Pejabat Pos akan digunakan sistem satu van dan perkhidmatan yang diberikan adalah sama seperti yang disediakan di pusat-pusat tadi.

Selain dari itu kerajaan juga akan memperkenalkan satu lagi khidmat iaitu khidmat membaharui lesen memandu kenderaan dan tiga tempat telah dipilih untuk memberikan khidmat ini.

Cadangan

Tempat-tempat itu ialah dua di Wilayah Persekutuan dan satu di Petaling Jaya dan tempat-tempat ini merupakan pusat-pusat perkhidmatan setempat. Ia dapat dilaksanakan kerana sistem pembayaran yang telah diberikan khidmat-khidmat seperti yang disebutkan di atas dari Pesuruhjaya Sumpah dan Pejabat Cukai Setem. Khidmat-khidmat lain akan diberi sekiranya usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pengguna.

Pusat Bayaran dan Pusat-pusat Perkhidmatan Setempat ini akan dibuka dari pukul 8 pagi hingga 4.30 petang pada hari kerja biasa dan dari pukul 8 pagi hingga 12.45 tengahari pada hari Sabtu. Perkhidmatan akan diteruskan semasa waktu makan tengahari.

Bagi kawasan-kawasan terpencil yang jauh dari kemudahan Pejabat Pos akan digunakan sistem satu van dan perkhidmatan yang diberikan adalah sama seperti yang disediakan di pusat-pusat tadi.

Selain dari itu kerajaan juga akan memperkenalkan satu lagi khidmat iaitu khidmat membaharui lesen memandu kenderaan dan tiga tempat telah dipilih untuk memberikan khidmat ini.

Cadangan

Tempat-tempat itu ialah dua di Wilayah Persekutuan dan satu di Petaling Jaya dan tempat-tempat ini merupakan pusat-pusat perkhidmatan setempat. Ia dapat dilaksanakan kerana sistem pembayaran yang telah diberikan khidmat-khidmat seperti yang disebutkan di atas dari Pesuruhjaya Sumpah dan Pejabat Cukai Setem. Khidmat-khidmat lain akan diberi sekiranya usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pengguna.

Pusat Bayaran dan Pusat-pusat Perkhidmatan Setempat ini akan dibuka dari pukul 8 pagi hingga 4.30 petang pada hari kerja biasa dan dari pukul 8 pagi hingga 12.45 tengahari pada hari Sabtu. Perkhidmatan akan diteruskan

kerana segala khidmat diberikan dengan kemudahan-kemudahan dan tenaga kerja yang sememangnya sudah ada.

Dengan tenaga-tenaga pegawai terlatih mengendalikan perkhidmatan ini ia akan dapat meningkatkan lagi prestasi khidmat tersebut dan juga kecekapan pengendalian pemberian khidmat-khidmat tersebut kepada orang ramai.

Di pusat-pusat berkenaan juga ada disediakan peti-peti cadangan bagi orang ramai atau pengguna yang mempunyai cadangan atau komen mengenai sistem perkhidmatan ini atau lain-lain hal boleh mengemukakannya dan dimasukkan ke dalam peti tersebut.

Namun setiap usaha tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Kerjasama dari orang ramai sudah tentu akan menentukan kejayaan dan kegagalan usaha yang baru diperkenalkan oleh kerajaan ini.

Sikap bertanggungjawab dan tolak ansur amat diperlukan di dalam usaha tersebut dan kedua-dua pihak harus bertanggungjawab dan bersefahaman agar wujud suasana yang harmoni dan akan lebih memudahkan lagi urusan masing-masing.